

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	3 APRIL 2016

'Campur urusan Proton terlalu banyak'

BERA 2 April - Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, tindakan campur tangan yang terlalu banyak oleh bekas Perdana Menteri Tun. Dr. Mahathir Mohamad dipercayai antara faktor menyebabkan syarikat pengeluar kereta nasional itu tidak mampu berkembang dengan baik.

Oleh itu tegas beliau, melalui tindakan Dr. Mahathir meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Proton Holdings Bhd. diharapkan dapat memastikan syarikat berkenaan berkembang dan mencatat keuntungan.

"Saya difahamkan segala perancangan termasuk dari segi pentadbiran, malah perubahan kecil pun Proton perlu mendapat kelulusan (Dr. Mahathir), campur tangan ini menyebabkan banyak perancangan tergendala.

"Difahamkan perundingan dengan pihak luar bagi membolehkan Proton mendapat rakan kongsi

UM - 3/4/2016

PROTON TIDAK PROFESIONAL

Mustapa dedahkan masalah dalaman syarikat kereta nasional

Proton Holdings Bhd. (Proton) dilihat bersikap tidak profesional dalam membuat keputusan.

Tegas beliau, kerajaan tidak boleh menghiraukan masalah yang dihadapi seri



KERATAN Utusan Malaysia, semalam

sekaligus meluaskan lagi pasarannya tidak dapat diteruskan kerana campur tangan beliau," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mengkarak di sini hari ini.

Yang hadir sama Pengetua SMK Mengkarak, Rahmah Said.

Menurut Ismail Sabri, sebagai sebuah syarikat pengeluar kereta utama negara yang perlu bersaing di pelbagai peringkat, Proton perlu lebih profesional dalam pengurusannya.